

Segelintir syarikat kuasai sebahagian besar AP — Dr. Mahathir

UM - 6/7/2005

KUALA LUMPUR 5 Julai — Tun Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan terdapat ketidakseimbangan dalam pemberian permit import (AP) kereta pada tahun lepas kerana sebahagian besar daripadanya diberikan kepada segelintir syarikat sahaja.

Beliau yang kini penasihat Proton Holdings Bhd., berkata, berdasarkan maklumat yang diperolehinya, daripada 67,000 AP yang diluluskan oleh kerajaan, kira-kira 54,000 atau 81 peratus diberikan kepada 20 buah syarikat.

Katanya, hanya sebilangan kecil daripada AP tersebut, iaitu baki sebanyak 12,600 AP lagi, yang dibahagi-bahagikan untuk dikongsi oleh 82 buah syarikat lain.

"Ia seperti wujud ketidakseimbangan di sini. Mengapa sebilangan kecil syarikat mendapat jumlah AP yang besar dan bilangan besar syarikat pula mendapat AP yang sedikit? Mungkin ada alasan baginya.

"(Bagaimanapun) saya bukan mempersoalkan kewajaran tetapi ia tidak selari dengan dasar bumiputera untuk memberi sebilangan kecil orang peluang sebegitu besar.

"Jika anda mengira AP itu bernilai RM30,000 setiap satu dan 54,000 AP bagi 20 syarikat mestilah telah menguntungkan mereka berjuta-juta ringgit," katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau juga tidak nampak syarikat-syarikat yang mendapat jumlah AP yang banyak itu berniaga walaupun di Kuala Lumpur.

"Saya nampak adalah satu atau dua syarikat tetapi pastinya tidak dapat mewajarkan pemberian 54,000 AP (jadi) inilah masalah yang perlu kita lihat kerana saya agak pasti jika ia tidak adil, orang tidak akan merasa keadilan.

"Dasar mengeluarkan AP ialah untuk membolehkan Bumiputera membangun sebagai pengedar automotif sebenar, menjadi ahli perniagaan automotif dan bukan sekadar menjaja AP mereka," katanya dalam satu sidang akhbar khas di sini hari ini.

Dr. Mahathir semalam menemui Pengerusi Proton, Datuk Azlan Hashim bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitan kontroversi melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff.

Dr. Mahathir berkata, beliau pada mulanya cuba untuk tidak membuat sebarang ulasan mengenai isu itu tetapi malangnya "nama saya telah diseret oleh sesetengah orang untuk menghalalkan perbuatan mereka dan saya perlu menjelaskan sedikit proses kerajaan supaya kita faham apa yang berlaku.

"Walaupun saya telah dilabel sebagai seo-

rang diktator oleh pihak akhbar tetapi para menteri agak bebas untuk mengambil tindakan sendiri jika mereka merasakan tindakan itu wajar," katanya.

Sebagai contoh, kata beliau, keputusan menetapkan supaya sesebuah kereta perlu mempunyai 40 peratus kandungan tempatan untuk layak menjadi produk nasional di bawah perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dibuat sendiri oleh menteri yang berkenaan.

"Keputusan itu tidak dibuat oleh Kabinet.

"Kabinet tidak mengetahui sehingga kami diberitahu mengenainya dan kami perlu menyokong kerana ia adalah satu komitmen yang dibuat oleh seorang menteri yang bertanggungjawab mengenainya.

"Malangnya, industri automotif kita telah maju kepada satu peringkat yang mana produk tempatan kita memiliki kandungan lebih 80 peratus dan disebabkan itu kos kita menjadi semakin tinggi," katanya.

Menurut beliau, perkara yang sama turut berlaku dalam isu untuk mengkelaskan sesebuah kereta sebagai kereta nasional.

"Ia tidak memerlukan kelulusan saya. Sememangnya saya tidak dapat ingat memberi sebarang kelulusan terhadap mana-

mana kereta untuk disifatkan sebagai kereta nasional," katanya.

Beliau mengulas dakwaan Rafidah bawha Naza Ria, sebuah kenderaan pelbagai guna yang dipasang di Malaysia, telah diberi status kereta nasional oleh Dr. Mahathir semasa beliau menjadi Perdana Menteri.

"Saya diberitahu bahawa kandungan tempatannya hanya 18 peratus hanya selepas saya melancarkan kereta ini (Naza Ria) dan selepas saya mendapatkan maklumat itu, saya memberitahu dalam Kabinet bahawa ia hanya 18 peratus.

"(Tentunya) selepas pelancaran, tidak ada cara untuk menarik balik (status kereta nasional) tetapi satu-satunya cara yang boleh kita lakukan adalah meminta syarikat itu meningkatkan kandungan tempatannya dengan segera agar ia melebihi 50 peratus.

"Jadi kereta itu kekal sebuah kereta nasional," katanya mengenai Naza Ria yang dipasang oleh kumpulan Naza.

Dr. Mahathir berkata, beliau percaya kandungan tempatan Naza Ria telah meningkat.

"Saya tidak tahu banyak mana tetapi ia telah meningkat pada kadar yang besar dan ia kekal diklasifikasikan sebagai kereta nasional," katanya.



DR. MAHATHIR Mohamad melihat cenderamata berupa keris yang diterimanya pada majlis perjanjian antara The Royal Mint of Malaysia dan The Franklin Mint, USA sambil diperhatikan Megat Mohamed Abdul Wahab Megat Abu Bakar di Kuala Lumpur, semalam.

Menurut beliau, Naza Ria juga bukan kereta penumpang sebaliknya sebuah kenderaan pelbagai guna yang tidak sepatutnya bersaing dengan Proton.

"Tetapi untuk menyatakan bahawa saya

meluluskannya atau Kabinet meluluskannya adalah tidak berapa tepat kerana prosedurnya ialah, menteri berkenaan membuat keputusan dan Kabinet diberitahu kemudiannya," kata Dr. Mahathir lagi.